

MAHATHIR - FRASER R.R.R.
(1)

1982

KUALA LUMPUR, 3 OGOS (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN AUSTRALIA BOLEH MEMANDANG KEHADAPAN KE ARAH HUBUNGAN DUA HALA YANG LEBIH RAPAT DAN BAIK PADA MASA DEPAN SELEPAS MENYELESAIKAN "PERBELISIHAN FAHAM YANG KECIL", DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA.

"SETELAH MENGADAKAN PERBINCANGAN, KAMI DAPATI BAHAWA MASALAH-MASALAH YANG DI HADAPI ADALAH TERLALU KECIL DAN KAMI BOLEH MENGATASINYA DENGAN MUDAH," KATANYA DALAM SIDANG AKHBAR SELEPAS PERBINCANGAN PUSINGAN KEDUA DAN TERAKHIR DENGAN RAKAN SEJAWATNYA ENCIK MALCOLM FRASER DARI AUSTRALIA.

"DARI SEKARANG ADALAH MENJADI LEBIH MUDAH BAGI KAMI UNTUK MENYELESAIKAN SEBARANG MASALAH BARU YANG MUNGKIN TIMBUL," KATANYA.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA PADA KESELURUHANNYA, LAWATAN SERTA PERBINCANGAN TELAH MENGHASILKAN PERSEFAHAMAN YANG LEBIH ERAT TENTANG MASALAH MASING-MASING ATAU PERSELISIHAN FAHAM.

"SAYA JANGKA PADA MASA DEPAN HUBUNGAN DENGAN AUSTRALIA AKAN LEBIH BAIK JIKA IA TIDAK SEDEMIKIAN SEKARANG," TAMBAHNYA. -- LAGI 2020/MB

B653

MAHATHIR - FRASER 2 KUALA LUMPUR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEMASA PERBINCANGAN DUA JAM PETANG INI, MEREKA BERDUA MEMBINCANGKAN BERBAGAI ISSU MELIPUTI PERDAGANGAN, MASALAH RANTAU DAN HUBUNGAN DUA HALA DENGAN AUSTRALIA.

TURUT HADIR DI PERTEMUAN ITU IALAH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK MUSA HITAM, MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENKU AHMAD RITHAUDDEEN.

KESELURUHANNYA, KEDUA-DUA PIHAK MENCAPAI PERSETUJUAN MENGENAI SEMUA ISU YANG DIBINCANGKAN.

BELIAU MENGANGGAP LAWATAN ENCIK FRASER ITU SEBAGAI SANGAT BERFAEDAH DALAM MENYELESAIKAN BEBERAPA PERSELISIHAN FAHAM DAN KEDUA-DUANYA SEKARANG MELIHAT DENGAN LEBIH CERAH UNTUK MENGATASI SEBARANG MASALAH KECIL YANG DIHADAPI.

MENGENAI CORAK MASALAH-MASALAH BERKENAAN, PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKANNYA ADALAH DILUAR KAWALAN KERAJAAN AUSTRALIA SEPERTI SIKAP MEDIA MASSA DI AUSTRALIA.

"KITA TIDAK MEMPUNYAI MASALAH DENGAN KERAJAAN TETAPI TERDAPAT SETENGAH RAKYAT AUSTRALIA YANG SUKA MENYATAKAN APA YANG PERLU KITA BUAT DENGAN NEGARA KITA DAN CARA MANA IA DAPAT DITADBIR DENGAN LEBIH BAIK. SAYA BERPENDAPAT KITA TIDAK MEMERLUKAN NASIHAT MEREKA," TAMBAHNYA. -- BERNAMA 2025/MB

0639

MAHATHIR - FRASER 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SALAH SATU SEBAB WUJUD IALAH SIKAP, AKHBAR AUSTRALIA DAN SEKIRANYA MEREKA BOLEH MEMBETULKAN DIRI, MALAYSIA PASTI DAPAT MENJALANI HUBUNGAN BAIK DENGAN AUSTRALIA.

MENGENAI ISU KAMPUCHEA, PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TELAH MENERANGKAN KEPADA ENCIK FRASER TENTANG PERANAN AKTIF YANG DIMAINKANNYA UNTUK MENGHABILKAN PENYELESAIAN POLITIK TERHADAP BENGKETA ITU. "BELIAU KELIHATAN MEMPUNYAI FAHAMAN YANG LEBIH BAIK TENTANG PENYELESAIAN KITA SETELAH BERPELUANG BERBINCANG DENGANNYA," KATANYA.

PERDANA MENTERI TELAH MENEKANKAN KEPADA ENCIK FRASER BAHAWA SEKIRANYA SEMUANYA BERJALAN DENGAN SEMPURNA, PIHAK KHMER ROUGE TIDAK AKAN BOLEH Menguasai KERAJAAN CAMPURAN KAMPUCHEA.

MENJAWAB SATU SOALAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA GEMBIRA SEKIRANYA ENCIK FRASER MENYOKONG KEDUDUKANNYA TERHADAP ISU KAMPUCHEA APABILA BELIAU MENEMUI DENGAN PARA PEMIMPIN CHINA DI PEKING ESOK.

TAN SRI GHAZALI BERKATA: "SAYA FIKIR ADA KEMUNGKINAN PIHAK CHINA AKAN MEMINTA ENCIK FRASER MENYOKONG KERAJAAN CAMPURAN ITU." -- LAGI 2045/MB

0640

MAHATHIR - FRASER 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU MEMAHAMI SIKAP KERAGUAN AUSTRALIA MENGENAI KERAJAAN CAMPURAN TERSEBUT KERANA PERTALIANNYA DENGAN KUMPULAN POL POT.

"KEDUDUKAN AUSTRALIA ADALAH BERBEZA DARI MALAYSIA. KAMI DEKAT DENGAN KEJADIAN MANAKALA AUSTRALIA BERJAUHAN. OLEH DEMIKIAN, SAYA RASA TERDAPAT PERBEZAAN ANGGAHAN ANTARA PARA PEMIMPIN MALAYSIA DAN AUSTRALIA," KATANYA.

BEKURANG-KURANGNYA ENCIK FRASER MENDAPATI SESUATU UNTUK DIBAWA BALIK UNTUK BERBINCANG DENGAN RAKAN-RAKANNYA, TAN SRI GHAZALI -- BERNAMA 2047/MB